

# KL, Riyadh bentuk jawatankuasa khas teroka peluang perniagaan

Inisiatif dicapai bagi perkukuh hubungan dua negara



Daripada Zainudin Isa di Riyadh, Arab Saudi

Malaysia dan Arab Saudi komited menjalinkan hubungan dagangan dan pelaburan ke tahap baharu dengan pembentukan jawatankuasa kerja tertinggi peringkat menteri membabitkan kedua-dua pihak.

Jawatankuasa khas berkenaan antara lain akan memantau perkembangan dan prospek kerjasama, termasuk membabitkan pelaburan swasta, dana pelaburan awam dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) kedua-dua negara.

Mengumumkan perkara itu, Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI), Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz, berkata perkara itu antara inisiatif kedua-dua pihak yang dicapai pada pertemuan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibra-



Anwar bersama Tengku Zafrul pada pertemuan dengan delegasi dari Aramco serta Menteri Perdagangan Arab Saudi di Riyadh, semalam.

(Foto ihsan FB Anwar Ibrahim)

him dengan Menteri Perdagangan Arab Saudi, Dr Majid Abdullah Al-Kassabi serta Presiden yang juga Ketua Eksekutif (CEO) Saudi Aramco, Amir Hassan Nasser, di sini, semalam.

## Buka 'buku baharu'

Tengku Zafrul menekankan bahawa pada pertemuan berkenaan jelas terlihat kesungguhan kedua-dua pihak untuk menerokai peluang perniagaan, pelaburan dan perdagangan antara syarikat Malaysia dan Arab Saudi.

"Untuk yang akan datang, kita mahu kedua-dua pihak mengukuhkan lagi hubungan yang lebih kolektif.

"Justeru, kita yakin ini boleh dicapai dan bagi saya hubungan ini sebagai membuka 'buku baharu' berbanding menerokai lembaran baharu.

"Ia jelas kerana semua pelaburan misalnya dalam sektor hartanah, penerbangan dan teknologi maklumat (IT) kini berada dalam landasan betul," katanya kepada media Malaysia di sini.

Arab Saudi merupakan rakan dagangan terbesar Malaysia dalam kalangan negara Asia Barat, dengan jumlah perdagangan dua hala antara kedua-dua negara pada 2022 mencatatkan AS\$10.26 bilion, meningkat 159.2 peratus daripada 2021.

Antara projek utama Arab Saudi di Malaysia ialah Kompleks Bersepadu Pengerang di Johor oleh Saudi Aramco.

Fortune Global 500 pada 2021, meletakkan Saudi Aramco di tempat keenam teratas sebagai

syarikat paling untung di dunia, dengan perolehan berjumlah AS\$105 bilion.

Mengenai projek lain yang bakal disertai Aramco di Malaysia, Tengku Zafrul memberi bayangan bahawa ia semakin hampir untuk diterjemahkan.

Beliau bagaimanapun enggan memberikan butiran mengenai sebaliknya berkata, ia akan diumumkan sendiri oleh Perdana Menteri dalam masa terdekat.

Beliau juga berkata, kerajaan Arab Saudi juga mengalu-alukan penyertaan syarikat Malaysia sejajar dengan Visi 2030 negara Teluk itu.

Perdana Menteri semaiam turut mengadakan siri pertemuan dan taklimat perniagaan dengan kapten industri antaranya, Al-Ajlan Brothers Holding Group (ABH) Dagang NeXchange Berhad (DNex), MGB Berhad, Sany Alameriah, Mobility One Sdn Bhd dan Al-Nesma Holding Co Ltd.

Anwar juga menerima kunjungan hormat Gabenor Dana Pelaburan Awam (PIF) Arab Saudi, Nasir Al-Rumayyan serta menyaksikan empat majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) di antara syarikat Malaysia dengan Arab Saudi.

Ia membabitkan Weststar Aviation dengan Mukamalah; DNex dengan Ajlan Brothers; Twistco dengan Ajlan Brothers dan MGB dengan Sany Alameriah.